

## **Analisis Citra Usahawan Wanita dalam Novel-Novel Melayu**

*An Analysis of the Entrepreneurial  
Woman's Image in Malay Novels*

**Siti Khariah M. Zubir**

Faculty of Language and Communications, Department of Malay Language and Literature,  
 Sultan Idris Education University, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: khariah@fbk.upsi.edu.my

### **Abstrak**

*Seiring pembangunan pesat negara, peningkatan dan upaya usahawan wanita membanggakan. Terlalu ramai yang sudah berjaya melangkah jauh ke hadapan dan menguasai bidang-bidang bisnes yang dahulu dimonopoli kaum lelaki. Dengan sifat semula jadi wanita yang umumnya teliti dan prihatin, mereka berjaya membuktikan kebolehan setanding, malah ada yang lebih menyerlah berbanding kaum Adam. Hal ini merupakan satu kemajuan yang boleh dibanggakan. Kajian ini menggunakan pendekatan Femenisme dan moral Islam untuk menganalisis watak – watak wanita yang terlibat secara langsung membina empayar perniagaan dalam novel-novel Melayu.*

**Katakunci:** *Citra, Usahawan wanita, novel Melayu*

### **Abstract**

*In tandem with the rapid development of the country, the rise of efforts of women entrepreneurs are commendable. There are many who have succeeded to strive far ahead and master business fields used to be monopolized by men. With the inherent qualities of being extra careful and sensitive, they have succeeded to at par or even excelled as compared to men. This is something to be proud of. This study uses feminism and Islamic morals approaches to analyze women characters in Malay novels who are directly involved in building business empires.*

**Keywords:** *Image, Malay entrepreneurs, Malay novels*

### **Pengenalan**

Bidang keusahawanan telah lama bertapak di Malaysia sejak bermulanya aktiviti perdagangan menggunakan sistem *barter*. Kegiatan ekonomi ini terus dipelopori sebagai aktiviti perniagaan secara kecil-kecilan sehingga berkembang kepada

perdagangan antarabangsa, iaitu kedatangan pedagang asing dan perdagangan negara luar pada zaman kerajaan Melayu Melaka (Nor Aishah, 2002; Shukor, 2003; Zafir & Fazilah, 2003). Sejarah menunjukkan bahawa wujud golongan pedagang dalam masyarakat Melayu. Kemasyhuran Melaka sebagai sebuah pelabuhan antarabangsa digambarkan dalam catatan sejarah. Bagaimanapun keadaan ini tidak kekal kerana kedatangan penjajah dari Barat yang telah memusnahkan kebebasan dan kemakmuran yang dikehendaki termasuk di negeri-negeri di Tanah Melayu. Namun, kemerdekaan negara telah membangkitkan semula kesedaran terhadap kepentingan aktiviti keusahawanan dan impaknya terhadap keadaan ekonomi dan sosial negara. Justeru, beberapa dasar kerajaan yang memberikan penekanan terhadap bidang keusahawanan telah digubal dengan strategi untuk memajukan sektor ekonomi dan sosial terutama bagi golongan bumiputera. Dasar-dasar yang diperkenalkan ini juga telah membangkitkan semangat kepada golongan wanita untuk menceburi bidang keusahawanan.

Terdapat banyak jenis perniagaan yang boleh diceburi oleh seseorang usahawan yang berminat untuk memulakan perniagaan sendiri. Jenis perniagaan yang diceburi bergantung kepada kemampuan, kebolehan dan minat usahawan yang berkesan. Perkara-perkara yang berkaitan dengan penubuhan perniagaan ialah saiz, iaitu daripada saiz kecil yang menggunakan sebuah gerai sementara di pasar minggu kepada saiz yang besar seperti sebuah empayar perniagaan yang mempunyai cawangan di merata tempat. Bibili (1988) mendefinisikan perniagaan sebagai suatu aktiviti komersial yang diusahakan oleh individu ataupun berkumpulan secara besar-besaran. Kebaikan pakatan dan kerjasama atau koperasi di kalangan manusia akan mendatangkan natijah yang sebaik-baiknya, andainya ada niat yang jujur di hati mereka. Selanjutnya Amir (1982) mentakrifkan perniagaan sebagai suatu aktiviti komersial yang dijalankan oleh orang perseorangan ataupun dalam bentuk syarikat yang menjalankan urusan jual beli secara besar-besaran.

Penglibatan wanita dalam aktiviti keusahawanan bukan sesuatu yang baharu. Gambaran masyarakat usahawan dalam kalangan wanita dapat dilihat dalam beberapa novel Melayu. Citra usahawan wanita dalam novel-novel Melayu berkisar tentang kehidupan wanita dan penglibatan mereka dalam bidang keusahawanan. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan empat buah novel, novel *Jaringan* (Rosmini, 1990), *Menuju ke Puncak* (Zahara, 1987), *Ke mana Kasih Hendak Di Bawa* (Khadijah, 1993) dan *Merpatih Putih Terbang Lagi* (Khadijah, 1974)

## Metodologi

Kajian ini menggunakan dua pendekatan, iaitu pendekatan feminism dan pendekatan moral Islam.

### Pendekatan Feminisme

Pendekatan feminism merupakan perkembangan yang boleh dikira mutakhir dalam sejarah perkembangan pendekatan kritikan sastera. Konsep dan dasar pendekatan ini ialah feminis, *female* dan *feminin*. Toril (1987) menyatakan bahawa lewat dekad ini, para feminis telah menggunakan konsep-konsep ini untuk merujuk kepada beberapa

perkara, Sbeliau juga menyatakan isu-isu politik serta teoritis adalah berkaitan dengan perkembangan mutakhir feminism. Ia hanya boleh difahami sekiranya ketiga-tiga konsep asas itu dapat dibezaikan dengan jelas. Feminis merujuk kepada isu dan kedudukan politik, manakala feminism (wanita) diertikan pula kepada fizikal atau biologi yang diingini oleh kebudayaan. Seterusnya, feminis merupakan label-label politik bagi mendukung sesuatu pergerakan wanita yang muncul pada tahun 1960-an. Kritikan feminis pula membawa maksud sejenis wacana politik yang khusus dan tersendiri yang bertujuan untuk menentang kekuasaan melampau patriaki dan sexism. Feminisme lahir kerana dipengaruhi unsur patriaki sementara kritikan feminism dicirikan oleh aktiviti politik dalam menentang patriaki dan sexism.

Rosnah (2005) menyatakan dasar pemikiran penelitian sastera berperspektif feminis adalah upaya pemahaman kedudukan dan peranan wanita dalam sebuah karya sastera. Penelitian watak wanita dalam karya sastera boleh dianalisis dengan agak menyeluruh jika penelitiannya dilakukan dengan metode yang ilmiah.

Toril (1987), menyatakan bahawa Showalter merupakan salah seorang tokoh kritikan feminis yang terpenting di Amerika Syarikat. Showalter telah membahagikan kritikan kepada wacana dan perspektif feminism kepada dua bahagian. Pertama, *Feminist Critique*, iaitu menumpukan perhatian kepada wanita sebagai pembaca serta penggunaan karya yang dihasilkan oleh kaum lelaki. Pengkritik yang mengamalkan *feminist critique* cuba mendedahkan andaian yang berdasarkan ideologi dalam fenomena sastera. *Feminist critique* juga mengkaji bagaimana citra wanita dalam kesusasteraan kerap kali menonjolkan perkara stereotaip tentang wanita dan sedikit pun tidak mencerminkan kerumitan jiwa wanita tetapi lebih mendedahkan projeksi atau mekanisme bela diri kaum lelaki.

Kedua, *gynocritics*, iaitu istilah yang telah dipinjam daripada pengkritik Perancis. Bahagian ini memberi perhatian kepada kaum wanita sebagai penulis, iaitu wanita sebagai penghasilan maksud tekstual. Ia mengalih perhatian kepada sejarah, tema, genre, struktur dan karya yang ditulis oleh kaum wanita. Isu yang dikaji melibatkan psikodinamik dalam gaya cipta wanita, linguistik dan masalah membina suatu bahasa wanita. *Gynocritics* juga dilihat sebahagian daripada cara untuk membebaskan diri daripada ikatan kepada teori yang selama ini merupakan batu asas sistem penandaan kaum lelaki. Konsep ini juga cuba melihat ke dalam imaginasi dan daya cipta wanita yang mampu membahukan bentuk eksperimen. Untuk kertas kerja ini cara yang kedua dipilih kerana pengkaryanya wanita dan pembacanya juga wanita.

### **Pendekatan Moral Islam**

Pendekatan Moral Islam yang dipilih oleh pengkaji berdasarkan ajaran Islam. Pendekatan ini digunakan dengan tujuan untuk memberi contoh, teladan dan tunjuk ajar kepada kaum wanita berdasarkan Islam. Pendekatan moral dalam sastera merangkumi tiga aspek kehidupan manusia, iaitu rohani, jasmani dan akal. Mohd Affandi (1992) menyatakan bahawa daripada segi rohani, adab merujuk kepada penyempurnaan dua tugas insan, iaitu tugas sebagai manusia atau hamba Allah dan tugas sebagai khalifah-Nya di dunia. Dengan dua tugas ini manusia beribadat kepada Allah, dalam pada waktu yang sama bermuamalah dengan baik semasa makhluk. Kedua-duanya menjadi asas pemberian tamadun dalam Islam.

Jabir (1996) menyatakan nilai-nilai moral khususnya moral Islam merupakan himpunan akhlak yang membentuk keperibadian Muslim yang unggul, seterusnya berupaya memberikan sumbangan kepada masyarakat, bekerjasama dan berusaha ke arah pembentukan diri, keluarga dan akidah.

Beliau membahagikan nilai-nilai moral ini kepada dua, iaitu:

1. Nilai negatif atau kosong, nilai ini adalah sesuatu nilai yang meninggalkan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah seperti arak, zina, bohong, mencuri dan lain-lain perbuatan keji.
2. Nilai positif ialah suatu yang wajib ada pada setiap orang Islam seperti benar, amanah, kasih sayang, menghubungkan silaturrahim, mulia dan berbaik-baik dengan jiran tetangga.

Orang Islam dikehendaki mematuhi kedua aspek ini, iaitu meninggalkan apa yang ditegah dan mengamalkan apa yang diperintah-Nya. Menurut Al-Quran, surah al-Araaf (7:33) yang bermaksud:

Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanmu hanya mengharamkan perbuatan-perbuatan yang keji, samada yang nyata atau yang tersembunyi dan perbuatan dosa dan perbuatan menceroboh dengan tidak ada alasan yang benar dan (diharamkanNya) kamu memperseketukan sesuatu dengan Allah sedang Allah tidak menurunkan sebarang bukti (yang membekarkannya); dan (diharamkanNya) kamu memperkatakan terhadap Allah sesuatu yang kamu tidak mengetahuinya. (7:33)

Oleh sebab itu pengkaji menggunakan pendekatan ini untuk mengkaji watak-watak wanita yang selalu lalai dan selalu membuat kesilapan dalam melakukan sesuatu perkara. Pendekatan moral setidak-tidaknya dapat membetulkan kesilapan yang dilakukan oleh kaum wanita.

### **Kelebihan pendekatan moral Islam.**

Pendekatan moral Islam mempunyai kelebihan berbanding dengan pendekatan yang lain dalam sastera. Tujuan ajaran *tauhid* ialah untuk menjaga kebersihan terus menerus melalui iman, ilmu dan amal supaya apabila dia kembali kepada Tuhan nanti (mati) akan berkeadaan bersih seperti pada permulaan kejadian. Pendekatan ini juga menyarankan persediaan akal serta kekuatan tubuh badan, manusia disuruh meneroka dunia atau alam dan mendapatkan manfaat di dunia dan tanpa melupakan akhirat.

Dalam pandangan Islam, hakikat dan fungsi sastera seperti dikonsepsikan dan diperaktikkan dalam sastera Barat adalah sempit dan mengelirukan. Karya dibataskan kepada aspek lahiriah, dari luaran untuk memuaskan nafsu dan emosi serta daya intelek yang ukurannya terlalu relatif dan sementara, sering manusia gagal mengenai hakikat dirinya. Hakikat *tauhid* yang menjadi dasar ajaran Islam mengutamakan aspek intelektual, aspek akal, daripada aspek emosi dan hawa nafsu kerana itu seniman Islam berkarya untuk menyembah Allah, manakala seniman Barat menyembah hasil seninya atau hawa nafsunya. Oleh yang demikian, pengkaji berpegang kepada pendapat Mohd Affandi (1992) dan Jabir (1996) untuk menyempurnakan kajian.

## **Analisis Citra Usahawan Wanita Dalam Novel-Novel Melayu**

Novel *Jaringan* (Rosmini,1990) ada memaparkan citra usahawan wanita dengan memperlihatkan watak Titik Hamidah. Titik Hamidah ialah ahli korporat atau usahawan wanita yang berjaya dan boleh diiktiraf sebagai jutawan. Pengkaji mendapati Titik Hamidah menyahut seruan agama Islam yang menggalakkan wanita menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Zulaikhah(1982) menyatakan sejarah ekonomi Islam ada membicarakan tentang golongan wanita telah melibatkan diri dalam bidang perniagaan sebagaimana penglibatan isteri Rasullullah s.a.w. Saidatina Khadijah Binti Khuwalid r.a. merupakan seorang saudagar ternama pada zaman itu. Pada zaman Saidina Omar Ibnu Al-Khattab r.a. pula terdapat seorang wanita yang telah dilantik sebagai penyelia pasar, iaitu Ummi Shifa. Daripada keterangan di atas, dapat dibuat kesimpulan bahawa kaum wanita sejak zaman Nabi Muhammad lagi sudah terlibat secara langsung dalam bidang perniagaan. Titik Hamidah yang bersemangat waja jelas menunjukkan bahawa dirinya seorang korporat yang berjaya membina empayar perniagaan pada masa kini. Dia banyak menghabiskan masa untuk mengurus empayar perniagaannya hingga terabai tugas seorang isteri. Suaminya Sufian, seorang profesor bertugas sebagai pensyarah di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Titik Hamidah digambarkan oleh pengarang sebagai seorang wanita yang keras hati dan kuat semangat. Sifat yang ditunjukkan oleh Titik Hamidah jelas menggambarkan citranya sebagai wanita korporat yang bersemangat waja berjaya membina empayar perniagaan.

Pengkaji mendapati citra Titik Hamidah yang membina empayar perniagaan bersifat sompong, suka bermegah-megah dengan kebolehan yang ada bersesuaian dengan pendapat Adler (Crow & Crow, 1983) yang menyatakan bahawa dorongan yang berpengaruh di sebalik tingkah laku manusia ialah kebolehan membuat sesuatu yang lebih baik daripada orang lain. Kepuasan tidak datang semata-mata dengan membuat sesuatu atau membuatnya dengan baik, yang lebih penting ialah pengetahuan yang mana dalam kegiatan atau kemahiran individu itu adalah lebih tinggi daripada orang lain. Dorongan untuk penguasaan adalah satu daripada pengaruh yang lebih dan paling kuat dalam tingkah laku sosial. Penggunaan dorongan ini merupakan asas kepada perkembangan individu.

Allah amat membenci pada orang yang suka membanggakan diri serta mempunyai nilai moral yang rendah. Allah sentiasa menggalakkan umatnya bersederhana dalam semua aspek. Islam membenarkan wanita mencapai tahap kemajuan setinggi mungkin seperti yang dicapai oleh Titik Hamidah, tetapi Allah tidak suka kepada wanita yang lupa daratan. Firman Allah S.W.T. dalam Al-Quran, surah al-Nahl, ayat 97 yang bermaksud:

Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang dia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya kami akan membalaas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan. (16:97)

Daripada tingkah laku Titik Hamidah yang digambarkan oleh pengarang, pengkaji menemui watak tersebut bercitra sebagai pembina empayar perniagaan bersemangat waja, mencerminkan keperibadiannya sebagai wanita korporat yang tidak pernah

mengalah dalam menghadapi cabaran semasa menjalankan perniagaan walaupun tanpa bantuan lelaki, bersesuaian dengan pendapat pergerakan feminism yang menyatakan kaum wanita juga boleh berdikari. Oleh itu, pengkaji membuat andaian bahawa sifat keras hati yang terdapat pada diri Titik Hamidah menyebabkan dia tidak gentar apabila bersaing dengan kaum lelaki dalam bidang perniagaan. Watak ini pernah berkata:

”Kalau tidak pandai mengurus perniagaan, aku akan lemah seperti perempuan yang lain juga. Dengan kelemahan ini, lelaki boleh berbuat sesuka hati” (Rosmini, 1990:54).

Tuntutannya tentang hak wanita tidak boleh melangkahi agama dan budaya timur. Sebagai wanita timur, Titik Hamidah tidak lepas daripada peraturan agama dan budaya. Dia boleh melibatkan diri dalam bidang ekonomi untuk menaikkan taraf wanita asalkan tidak mengabaikan tanggungjawab sebagai isteri, ibu dan ahli masyarakat. Citra korporat yang bersemangat waja hingga dapat membina empayar perniagannya boleh menyebabkan dirinya berani, sompong dan lancang dalam pertuturnya.

”Aku senang lenang ada harta berjuta ringgit, rumah penginapan, rumah sewaentah berapa. Aku berjaya sebagai usahawan terkemuka di nusantara ini. (Rosmini, 1994:110).

Kata-kata watak tersebut menunjukkan bahawa beliau merupakan wanita korporat yang berjaya dalam membina empayar perniagaan hingga mendapat gelaran jutawan. Dia menerajui syarikat wanita termaju sekali di Malaysia iaitu syarikat Jaya Maju. Satu lagi peristiwa yang digambarkan oleh pengarang bagi menunjukkan watak Titik Hamidah sebagai ahli korporat yang sanggup berkorban apa sahaja demi membina empayar perniagaan ialah demi menghadapi perniagaan dia sanggup tinggal berjauhan daripada suaminya profesor Sufian yang telah berpindah dan bekerja di Universiti Singapura sedangkan dia tinggal bersendirian di Kuala Lumpur. Inilah kelemahan Titik Hamidah. Dia lebih mementingkan perniagannya daripada suaminya sendiri. Perniagaan lebih menguntungkan dirinya. Harta dan wang ringgit lebih penting daripada seorang suami yang tidak dapat memberikan kebahagiaan kepadanya. Wanita korporat seperti Titik Hamidah berpendapat wang adalah segala-galanya dalam hidup ini, oleh itu apabila sesuatu keputusan dibuat dia tidak akan undur malahan akan membuktikan bahawa dia seorang wanita yang korporat yang berjaya membina empayar perniagaan, hatinya waja.

Kak Yam merupakan seorang lagi watak wanita korporat yang ingin membina empayar perniagaan, digambarkan dalam novel *Menuju Ke Puncak* (Zahara, 1988). Kak Yam ialah tuan punya Restoran Selesa. Dia seorang peniaga yang jujur dan dihormati oleh pekerja-pekerjanya, terutamanya Rohayu. Dia juga tidak kedekut dan pekerja-pekerjanya boleh makan apa yang mereka suka selepas jam dua petang, diwaktu pelanggan sudah kurang. Kak Yam jelas mengambarkan bahawa dia seorang ahli korporat yang sistematik dan berkebolehan dalam mentadbir perniagaan dan tidak pernah kenal erti penat serta bersemangat waja demi membina empayar perniagaannya.

Restoran Selera pada waktu petang mengubah menuanya. Kalau pada sebelah pagi hingga tengah hari menjual nasi dan lauk pauk maka sebelah petang dan malam restoran ini menjual mee, rojak, soto, sup, bubur kacang dan sebagainya. Perubahan menu ini untuk menarik pelanggan seperit:

Orang – orang yang baru keluar dari panggung wayang yang hendak mengalas perut. Atau orang – orang yang menunggu masa masuk menonton. Menunggu tayangan pertama habis (Zahara, 1988:86).

Wanita korporat yang bijak seperti Kak Yam menyusun beberapa strategi untuk mlariskan jualannya. Dia yang bersemangat waja sentiasa membuat perubahan demi memajukan perniagannya. Panas yang disangka hingga ke petang, rupanya hujan di tengah hari, merupakan bala yang menimpa Kak Yam. Restoran Kak Yam tetap maju tetapi wang hasil perniagaannya selalu saja diambil Omar suaminya yang gila judi. Akibat perbuatan suaminya perniagaan Kak Yam jatuh bangkrup.

Perbuatan suaminya mengecewakan Kak Yam dan dia mengalami penderitaan yang amat perit. Selepas diceraikan suaminya, dia menanam azam baru bahawa dia akan membuka perniagaan baru suatu hari nanti. Peristiwa itu tidak melemahkan semangatnya malah dia berasa kegagalan itu ada hikmahnya. Pengkaji mendapati citra Kak Yam yang dapat membina empayar perniagaan semula mencerminkan perjuangan menuntut hak kaum wanita. Islam milarang umatnya berjudi seperti yang dilakukan oleh Abang Omar. Oleh itu Tuhan menurunkan bala terhadap dirinya dan keluarganya. Masyarakat terus sedar dan mengambil iktibar daripada peristiwa ini. Kak Yam digambarkan oleh pengarang sebagai wanita korporat yang bersemangat waja dalam menghadapi perniagaan dan sedikit pun tidak melemahkan semangatnya untuk mencuba lagi berniaga, tetapi dalam bidang yang lain.

Pada ketika yang tidak disangka Kak Yam bertemu dengan Rohayu bekas pekerjaanya dahulu di kedai mendandan rambut. Peluang ini digunakan oleh Kak Yam mengajak Rohayu menjadi rakan kongsinya untuk membuka kedai mendandan rambut:

”Ayu !” suara Kak Yam mengganggu lamunanku. ”Kak Yam hendak mengajak Ayu berkongsi niaga. Mahu?” Berniaga apa Kak Yam? ”Kita buka kedai persolekan dan dandan rambut?” (Zahara, 1988:126)

Cadangan Kak Yam dipersetujui oleh Rohayu dan wujudlah Kedai Dandanan dan Persolekan Ayu. Pembukaan ini mendapat liputan media massa. Pada mulanya kedai ini mendapat sambutan tetapi lama-kelamaan pelanggan semakin berkurangan dengan alasan pengusaha tidak mahir dalam ilmu persolekan. Wanita korporat seperti Kak Yam tidak pernah berputus asa oleh itu, dia membawa anak-anak saudaranya untuk dijadikan model. Setiap hari Rohayu berlatih hingga mahir. Kedai itu semakin hari semakin maju semula. Kali ini Tuhan menduga Kak Yam sekali lagi. Tuan punya kedai menaikkan sewa dari lima ratus ringgit ke tujuh ratus ringgit. Dia terpaksa menutup perniagaannya kerana tidak mampu membayar sewa.

Wanita korporat yang gigih dan tabah seperti Kak Yam tidak tahu erti serik dalam membina empayar perniagaan. Sudah dua kali perniagaannya jatuh tersembam tetapi dia masih berupaya bangun dan kali ini dia membuka kedai perabot antik:

Kak Yam sudah membuka sebuah kedai perabot antik kira-kira enam bulan yang lalu (Zahara, 1988:170).

Pada ketika itu orang sedang gilakan barang antik. Sehari Kak Yam boleh mendapat untung bersih sampai lima enam ribu ringgit. Dengan keuntungan itu dia dapat membeli kereta baru. Kak Yam merupakan wanita korporat yang bijak dan sentiasa berfikiran positif dalam bidang perniagaan. Menurut Maznah (1998) untuk menjadi peniaga yang berjaya seseorang perlu bersifat dinamis, berfikiran positif, bersemangat waja, cekal dan berani menanggung risiko. Sifat-sifat yang diperkatakan oleh Maznah memang ada pada Kak Yam yang memperlihatkan citra seseorang korporat yang mampu membina empayar perniagaan.

Novel *Ke Mana Kasih Hendak Dibawa* (Khadijah, 1993) juga membawa citra korporat yang berjiwa besar dan ingin membina empayar perniagaan. Novel ini memaparkan dua watak penting yang bercita-cita untuk menjadi korporat yang terkemuka di dunia, iaitu Sarah dan Sakinah. Sarah wanita yang bercita-cita menjadi peragawati yang disegani. Pada peringkat awal Sarah ingin menjadi peragawati terlebih dahulu supaya dia dapat memakai baju yang mahal-mahal di hadapan jurugambar profesional dari seluruh dunia. Wajahnya yang cantik menjadi penghias kulit depan majalah fesyen yang akan ditatap oleh peminat fesyen dari seluruh dunia. Begitulah citra gaya hidup seorang peragawati yang berjiwa besar dan ingin menjadi ahli korporat yang berjaya membina empayar perniagaan pada suatu hari nanti.

Sarah digambarkan sebagai wanita zaman moden tidak suka dikongkong oleh keluarga dalam mencari pekerjaan. Beliau merupakan seorang wanita yang cantik dari segi paras rupa dan sentiasa menjaga pemakanannya supaya dapat mengekalkan bentuk badannya yang langsing. Dia ingin menjadikan peragawati sebagai karier pada peringkat awalnya. Biarpun ayah dan ibunya mahu dia melanjutkan pelajaran ke universiti seperti abang dan kakaknya yang lain, dia tetap dengan cita-citanya:

Apa pun orang nak kata aku tak peduli. Masa depanku adalah aku yang berhak menentukannya. Biarpun ayah dan ibunya mahu dia melanjutkan pelajarannya ke universiti seperti abang dan kakaknya yang kini berada di Amerika, dia tetap dengan cita-citanya (Khadijah, 1993:90).

Oleh itu, Sarah membangkang pendapat ibu bapanya dan dia tetap dengan pendiriannya. Pengkaji mendapati citra Sarah yang berjaya membina empayar perniagaan memperjuangkan emansipasi wanita adalah bersesuaian dengan pendapat pergerakan Feminisme yang mahukan kaum wanita diberikan kebebasan seperti yang diberikan kepada kaum lelaki. Syuqqah (1998) berpendapat bahawa karier yang dilakukan oleh wanita dalam masyarakat sekarang mestilah mengikut lunas-lunas tertentu dalam agama supaya dapat menjamin aspek kehidupan yang merupakan instiusi asas bagi sesebuah masyarakat. Sarah berpendapat bidang peragaan menjanjikan pulangan yang lumayan. Dia berjiwa besar dan ingin menjadi ahli korporat yang berjaya membina empayar perniagaan tidak akan undur walaupun setapak, biarlah ayah dan ibu membencinya, cita-cita tetap cita-cita. Sarah ingin menjelajah dunia, oleh itu beliau menjelaskan:

”Saya akan tinggal di Kota Paris, menggayakan fesyen-fesyen dari Christian Dior dan Nina Ricci. Selesai di Paris terbang ke Milan menggayakan baju ciptaan Valentino. Lepas itu terbang ke New York menggayakan fesyen ciptaan Nolan Miller. Kemudian ke London” (Khadijan, 1993:122).

Bagi Sarah, masyarakat Malaysia memang memandang rendah tentang pekerjaan sebagai peragawati dan minda mereka masih belum terbuka untuk menerima peragaan sebagai satu kerjaya. Masyarakat Malaysia masih berpegang kuat pada adat dan tradisi Timur. Walau bagaimanapun, Sarah akan menyedarkan masyarakat sedikit demi sedikit tentang kecantikan terutamanya kaum wanita. Sarah berpendapat tidak ada wanita di dunia ini yang tidak mahu melihat dirinya cantik. Oleh itu, Sarah yang berjiwa besar ini akan bersungguh-sungguh untuk menjadi peragawati terkenal dan selepas itu dia akan mambuka sekolah kecantikan.

Selanjutnya, Sarah wanita berpendidikan ingin melihat dirinya senantiasa cantik dan ingin bersaing dengan orang lain dalam bidang perniagaan. Dia memilih bidang kecantikan sebagai satu aset perniagaan yang menguntungkan dan dapat membina empayar perniagaan. Wanita Malaysia hari ini mulai sedar akan pentingnya menjaga kesihatan dan kecantikan tubuh badan. Wanita bekerja pula perlu pakar perunding imej untuk memberi tunjuk ajar bagi menyesuaikan diri mereka di khalayak ramai dalam sesuatu majlis. Wanita yang mengutamakan kecantikan tidak kira jumlah bayaran yang dikeluarkan asalkan mereka kelihatan cantik. Begitu juga dengan Sarah yang bercerita-cita untuk menjadi seorang ahli korporat yang berjaya membina empayar perniagaan, disegani dan cantik dari segi paras rupa.

Sakinah seorang lagi wanita korporat yang ingin membina empayar perniagaan, dalam novel *Ke Mana Kasih Hendak Dibawa* (Khadijah, 1993). Sakinah ingin mengembangkan perniagaan kerepek pisang keluarganya hingga ke taraf holding. Dia juga merupakan wanita yang tidak mahu ketinggalan dalam bidang perniagaan yang menjanjikan pulangan lumayan. Pengkaji mendapati Sakinah merupakan seorang pejuang emansipasi wanita agar jangan melepaskan peluang dalam bidang perniagaan. Masyarakat yang maju merupakan masyarakat yang ahlinya sama ada lelaki atau wanita yang terdiri daripada ramai ahli korporat.

Sakinah wanita korporat yang berpandangan jauh dan berjiwa besar mengharapkan tahun 2020 syarikat perniagaan kerepek pisang keluarganya menjadi empayar perniagaan yang besar dan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur:

”ini bukan jual kerepek sebungkus dua, tetapi kilang kerepek pisang tahu tak? Apabila Kerepek pisang saya akan menembusi pasaran Eropah, negara - negara Arab dan Amerika. Saya akan jadikan makanan yang popular di seluruh dunia ” (Khadijah, 1993:93).

Apabila Ros Aniza dan Norsyam bertanya kepada Sakinah nama syarikatnya, dia menjawab, Sakinah Holding. Syarikat ini akan mengedarkan kerepek pisang ke Tokyo, New York, Paris dan London. Sifat Sakinah yang mudah mesra dan peramah mampu menjadikan dia seorang ahli korporat yang terkenal pada suatu hari nanti. Menurut Marhaini (1999) kaum wanita memberikan sumbangan dalam sektor pekerjaan profesional, teknikal meliputi 13.3 peratus manakala dalam bidang pekerjaan jualan sebanyak 12 peratus.

Pengkaji mendapati citra Sakinah yang dapat membina empayar perniagaan mempunyai sifat amanah dan boleh dipercayai bersesuaian dengan pendapat Jabir (1996) yang menyatakan bercakap benar, secara tidak langsung mengandungi larangan pembohongan, tegahan mencuri juga mengandungi suruhan supaya bersifat amanah. Ciri-ciri yang disebutkan oleh Jabir terdapat pada watak Sakinah seorang ahli korporat yang berjaya membina empayar perniagaan:

masa itu tidur pun bertilamkan duit. Nama saya terkenal seluruh dunia. Gambar saya bersepah - sepah di semua akhbar. Muka saya selalu muncul di televisyen. Wartawan dalam negeri dan luar negara mengejarke mana saja saya pergi..." (Khadijah, 1993:93).

Selanjutnya, Salha adalah antara rangkaian watak-watak yang terdapat dalam novel *Merpatih Putih Terbang Lagi* (Khadijah, 1974). Khadijah sebagai pengarang ada menyebut watak Salha sebagai wanita korporat yang berjiwa besar dan ingin membina empayar perniagaan:

...hidup di zaman yang serba maju, serba mengejar ini tidakmesti berpaut pada sijil kelulusan dan ijazah saja. Banyak jalan lain bang. Abang lihat sajalah bangsa - bangsa lain yang berjaya membuka barbagai - bagai perusahaan, yang kaya – kaya di negeri kita ini tak semuanya ada ijazah ditangan. Dia hidup mewah juga (Khadijah, 1974:107)

Daripada apa yang dikatakan oleh Salha kepada abangnya Farid memang ada kebenaran. Farid terasa bahawa adiknya lebih bijak dan berfikiran terbuka. Salha sebenarnya mempunyai cita-cita untuk membuka perusahaan sendiri. Dia sudah bertekad tidak akan mengambil peperiksaan SPM lagi tetapi dia hendak belajar di sekolah jahitan. Ibunya Cik Hawa terperanjat dengan keputusan Salha. Bertitik tolak daripada peristiwa Salha gagal dalam peperiksaan SPM maka bermulah citra wanita korporat yang berjiwa besar dan ingin membina empayar perniagaan suatu hari nanti. Keputusan Salha mendapat tentangan hebat daripada keluarganya. Pengkaji mendapati citra Salha yang ingin membina empayar perniagaan bertekad untuk memperjuangkan emansipasi atau hak wanita bersesuaian dengan kehendak pergerakan Feminisme. Walau apa pun yang diperkatakan oleh Salha, ayahnya tetap tidak bersetuju malahan menengking dan mengherdiknya.

Encik Halim merupakan seorang ayah yang tidak mahu menerima pendapat orang lain dan tidak mahu bertolak ansur dalam apa perkara pun. Walau bagaimanapun, Salha wanita bertuah mendapat simpati dan sokongan daripada abangnya Farid. Salha mencerahkan rasa hatinya kepada Farid:

"Perusahaan besar-besaran itu belumlah. Tapi Sal akan belajar, kemudian akan mengambil upah dan menjahit di rumah ini. Kalau ada kedai barulah buka kedai" (Khadijah, 1974:108).

Oleh itu Farid sanggup membiayai segala kos perbelanjaan Salha belajar menjahit. Berkat tabah, tegas dan berjiwa besar akhirnya Salha berjaya menghabiskan kelas belajar menjahit dan mula mengambil upah menjahit baju secara kecil-kecilan di rumah. Sebagai bukti Salha telah berjaya dalam bidang yang diminatinya. Salha

boleh dijadikan contoh kepada wanita lain yang ingin menjadi seorang ahli korporat yang dapat membina empayar perniagaan yang bersemangat dan berjiwa besar dalam menerokai bidang perniagaan setanding dengan kaum lelaki.

Secara sedar atau tidak, Khadijah mula memberikan kesedaran kepada masyarakat khususnya wanita Melayu. Dia membuktikan bahawa kejayaan tidak hanya boleh dicapai dengan kehadiran sijil, tanpa sijil akademik juga seseorang boleh menjadi ahli korporat sekiranya ada kemahiran dan kemahuan serta daya usaha yang gigih dan tidak pernah mengenal penat. Contohnya watak Salha, walaupun dihalang oleh keluarganya, dia tetap berjaya.

### **Dapatan Kajian**

Apabila memperkatakan citra empayar perniagaan, pengkaji dapat mengesan kesesuaianya dengan watak Titik Hamidah, Kak Yam, Sarah, Sakinah dan Salha. Pengkaji mendapati watak Titik Hamidah yang membina citra empayar perniagaan, bersifat sompong, suka bermegah-megah dengan kebolehan yang ada, adalah selaras dengan pendapat Adler (Crow & Crow, 1983) yang menyatakan sifat menunjuk-nunjuk kebolehan dan keistimewaan memang terdapat pada seseorang. Penemuan lain ialah semangat waja yang terdapat pada diri Titik Hamidah mencerminkan keperibadiannya sebagai wanita korporat yang tidak pernah mengalah dalam menghadapi cabaran sewaktu menjalankan perniagaan dan tidak gentar bersaing dengan kaum lelaki dalam mengharungi perniagaan. Pendapat Titik Hamidah bersesuaian dengan pendapat teori feminism yang diperkenalkan oleh Showalter. Dalam memperkatakan citra wanita perniagaan, pengkaji juga mendapati watak Kak Yam yang mula memperkatakan tentang perjuangan menuntut hak kaum wanita atau emansipasi wanita setelah dia dianaya dan diceraikan oleh suaminya adalah selari dengan pendapat pergerakan Feminisme yang memperjuangkan hak kaum wanita.

Sarah, Sakinah dan Salha merupakan tiga watak yang memperlihatkan citra wanita dalam membina empayar perniagaan. Pengkaji menemui watak Sarah yang berjaya membina empayar dalam perniagaan sambil memperjuangkan emansipasi wanita adalah selari dengan pendapat pergerakan Feminisme yang mahukan kaum wanita diberikan kebebasan seperti yang diberikan kepada kaum lelaki. Sakinah, wanita korporat yang membina empayar perniagaan didapati oleh pengkaji sebagai seorang wanita yang memperjuangkan emansipasi wanita atau hak wanita. Sakinah juga merupakan ahli perniagaan yang bersifat amanah dan boleh dipercayai sesuai dengan pendapat Jabir (1996) yang menyatakan bercakap benar, secara tidak langsung mengandungi larangan berbohong, tegahan mencuri juga mengandungi suruhan supaya bersifat amanah. Manakala Salha pula didapati oleh pengkaji sebagai wanita yang ingin membina empayar perniagaan bertekad memperjuangkan emansipasi wanita atau hak wanita sesuai dengan pendapat Showalter dalam teori feminism.

### **Kesimpulan**

Sebagai kesimpulan, wanita masa kini menceburkan diri mereka sepenuh masa dalam bidang ekonomi di samping menjadi isteri dan ibu kepada anak-anak. Wanita alaf

baru tidak mahu ketinggalan dalam bidang ekonomi. Menjelang tahun 2020 semakin ramai wanita melibatkan diri dalam bidang ekonomi setanding dengan kaum lelaki. Usahawan wanita yang ingin membina empayar perniagaan tidak melepaskan peluang untuk bersaing atau mempunyai keyakinan diri untuk berjaya. Wanita hari ini sudah pandai memilih perniagaan yang hendak diceburinya, sesuai dengan kebolehan dan keupayaan diri.

## Rujukan

- Al-Quran (1980). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, Kuala Lumpur: Darulfikir, 1756 pp.
- Abdul Halim Abu Syuqqah, A.H.A. (1998). *Kebebasan Wanita Jld. I*. Johor Bharu: PencetakanZafur Sdn. Bhd.
- Amir H.B. (1982). *Urusan Perniagaan*. Batu Cave, Kuala Lumpur: Mutiara Grafik.
- Crow & Crow. (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Jabir, Q. (1996). *Nilai-Nilai Islam: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Khadijah H. (1993). *Kemana Kasih Hendak Dibawa*. Kuala Lumpur: K Publishing Sdn. Bhd.
- Khadijah, H. (1974). *Merpati Putih Terbang Lagi*. Kuala Lumpur: Dewan Dan Pustaka.
- Babilli, M.M. (1988). *Ekonomi Dari Kaca Mata Islam*. Kuala Terengganu: Syarikat Pencetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Marhaini, K.. (1999). Wanita Sumbangkan 47 Peratus Keperluan Guna Tenaga. *Utusan Malaysia*. 29 Mac, Kuala Lumpur, Utusan Melayu Bhd
- Maznah H. (1998). Alaf Mendatang Milik Wanita. *Dewan Budaya* ,Vol.16, Aug. 1998. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Mohd Affandi H. (1992). Pendidikan Estetika Dari Pendekatan Tauhid. *Dewan Sastera* No.7, June; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Toril, M. (1987). *French Feminist Thoughts: A Reader*. New York: Basil Black Well Ltd.
- Toril, M. (1981). *Representation of Patriarchy: Sexuality And Epistemology In Friend's Dore Dalam Feminist Review*. New York: Methuen.
- Nor Aishah, B. (2002). *Asas Keusahawanan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Rosnah, B. (2005). Alam Wanita dalam Rimba Harapan : Karya Keris Mas, Seminar paper in *Seminar Pemikiran Sasterawan Negara Keris Mas*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 2-4 Ogos 2005.Rosmini S. (1990). *Jaringan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Showalter, E. (1986). *The New Feminist Criticism: Essays on Women, Literature and Theory*. (ed.) London: Virago.
- Shukor, O. (2003). *The Malay Lost World With Emphasis On Entrepreneurship*. Kuala Lumpur: Anzagain Sdn Bhd.
- Zulaikhah, M.N., (1982). *Kedudukan dan Peranan Wanita Dalam Islam*. Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Zahara N. (1988). *Menuju Ke Puncak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Zafir, M. M. & M.H. Fazilah (2003). *Menjadi Usahawan*. Bentong, Pahang Darul Makmur: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.